

23 SEP 2003

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI SWEDEN

Oleh: Jackson Sawatan

STOCKHOLM, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di ibu negara Sweden bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke negara ini.

Pesawat khas Tentera Udara Diraja Malaysia yang membawa Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Arlanda pada 9.30 malam waktu tempatan atau 3.30 pagi waktu Malaysia.

Ketua Protokol di Kementerian Luar Sweden Karin Ehnbohm-Palmquist dan Duta Malaysia ke Sweden Jasmi Mohamed Yusoff menaiki pesawat bagi mempersilakan Perdana Menteri dan isteri.

Apabila keluar dari pesawat, Dr Mahathir disambut oleh Menteri Pertahanan Sweden Leni Bjorklund di samping Duta Sweden ke Malaysia Bruno Beijer.

Delegasi Malaysia ke Sweden terdiri daripada Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie; Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding; Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan anggota-anggota sektor swasta.

Dr Mahathir akan memulakan aturcara lawatannya yang ketat di sini pada 8 pagi waktu tempatan dengan mesyuarat pra-majlis diikuti dengan lawatan ke Karolinska Institutet, sebuah institusi perubatan terulung di Sweden. Semasa di sana, beliau akan diberikan taklimat mengenai institut itu oleh Dekan Penyelidikannya Prof Jan Carlstedt-Duke.

Sementara itu, Dr Siti Hasmah juga akan melakukan lawatan yang sama ke beberapa kemudahan lain di institut berkenaan.

Selepas lawatan itu, Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat delegasi dua hala dengan Perdana Menteri Goran Persson diikuti jamuan tengah hari di kediaman rasmi Perdana Menteri Sweden.

Sejurus kemudian, Dr Mahathir akan beredar bagi melakukan lawatan ke Kompleks Ericsson di Kista, dekat sini, dengan disambut oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Ericsson Carl-Henric Svanberg.

Semasa berada di situ, Dr Mahathir dan delegasi akan mengikuti satu persembahan mengenai masa depan komunikasi bergerak oleh Naib Presiden dan Pengurus Besar bagi Penyelidikan dan Pembangunan Ericsson Haker Eriksson di samping masa depan pertahanan berasaskan rangkaian oleh Lt-Jen Johan Kihl dari Angkatan Tentera Sweden.

Dr Mahathir akan turut bertemu tiga rakyat Malaysia yang bertugas di Ericsson yang telah berbual secara ringkas menerusi telefon dengan beliau semasa majlis pelancaran Kompleks Ericsson di Cyberjaya baru-baru ini.

Selepas lawatan ke Kompleks Ericsson itu, Dr Mahathir akan menghadap King Carl XVI Gustaf di Kungliga Slottet atau Istana Diraja.

Beliau kemudiannya akan meninjau bot peronda prototaip IC 15 M buatan Sweden di sebuah jeti berhadapan Grand Hotel di sini.

Ini akan diikuti beberapa siri mesyuarat dengan peneraju-peneraju industri Sweden dan kemudiannya menghadiri majlis makan malam anjuran Investor AB, syarikat pegangan perindustrian tersenarai yang terbesar di wilayah Nordic.

Dr Mahathir akan berlepas ke New York pada pagi Rabu.

-- BERNAMA

JS KHY ROS